

Saya sedia jawat Setiausaha Agung Komanwel – Rais

Daripada SADATUL MAHIRAN ROSLI

LONDON 9 Jun – Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim (**gambar**) bersedia berkhidmat sekiranya terpilih menduduki kerusi Setiausaha Agung Komanwel yang baru.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada kerajaan kerana memberi kepercayaan mencalonkannya untuk jawatan tersebut.

“Tetapi kalau boleh saya tidak mahu ulas banyak kerana baru dicalon, calon dalam pilihan raya pun kalah, inikan pula nak jadi Setiausaha Agung Komanwel.

“Sebenarnya saya tidak tahu mengenai pencalonan ini, semuanya dalam perancangan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kerana mencalonkan Malaysia dan saya

Sebenarnya saya tidak tahu mengenai pencalonan ini, semuanya dalam perancangan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

UM - 9/6/2007 – Dr. Rais Yatim

sebagai individunya.

“Namun sekiranya berjaya, pemilihan tersebut merupakan detik dan langkah pertama Malaysia terpilih untuk jawatan tersebut dan saya bersedia berkhidmat,” katanya pada sidang akhbar selepas meraikan pemberita yang membuat liputan *Mingguan Malaysia* di Covent Garden hari ini.

Rais mengulas kenyataan kerajaan Malaysia semalam yang mengemukakan pencalonan beliau untuk jawatan Setiausaha Agung Komanwel yang baru.

Pencalonan itu adalah bagi menggantikan

Don Mckinnon yang akan menamatkan perkhidmatannya pada 31 Mac tahun depan.

Keputusan jawatan itu akan dibuat dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Kampala, Uganda pada 23 hingga 25 November ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra, pemilihan Rais dibuat berdasarkan pengalaman dan penglibatan luas beliau di arena antarabangsa yang membolehkannya berkhidmat dengan cemerlang dalam memenuhi aspirasi negara anggota.

– *Mingguan*

